

MAJLIS PELANCARAN KEMPEN 'LIVE GREEN BOX' SEMPENA PERASMIAN 'LANDSCAPE ASIA EXHIBITION & CONFERENCE' (LAX) 2017



Penulis : Abdul Hadi Bin Hj. Mustapa Kamar

Foto : Mohd Redzuan & Mohd Fadzlee

Kuala Lumpur, 14 September - Jabatan Pertanian Malaysia yang diwakili oleh Encik Zulkefly Bin Harun, Pengarah Bahagian Pertanian Bandar telah menghadiri majlis perasmian "Landscape Asia Exhibition & Conference (LAX) 2017" dan pelancaran 'Kempen Live Green Box 2017'.

Majlis telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Encik Esa Bin Haji Ahmad Ketua Pengarah Landskap Negara bertempat di Dewan 5, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pagi ini yang mewakili Yang Berhormat Tan Sri Noh Bin Haji Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Di dalam ucapannya, Encik Esa Bin Haji Ahmad berkata "LAX 17 benar-benar meningkatkan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia, negara taman yang cantik menjelang 2020. Saya percaya ini adalah satu lagi usaha yang digambarkan dalam Teras 7

Dasar Landskap Negara yang memacu industri Landskap, usaha untuk menjadikan negara kita hijau dan cantik untuk masa depan yang mampan.”

Program yang dianjurkan oleh EG Groups Holding Sdn.Bhd menyediakan peserta pameran dan pelawat perdagangan mencari calon berpontensi dalam usahasama masa depan. Di dalam ucapan Pengerusi Penganjur LAX'17, Encik Moey Say Yee berkata “Landskap adalah industri bernilai berbilion dolar yang belum diterokai di rantau ASEAN . LAX'17 ingin memperkenalkan Live Green Box Campaign, sebuah projek CSR yang dimulakan oleh kami khususnya kepada generasi muda kita untuk menanam, melindungi dan memelihara warisan negara kita hijau.”

LAX'17 yang menampilkan lebih daripada 1,000 produk, perkhidmatan dan teknologi terkini, telah berjaya menarik 15,000 pelawat perdagangan tempatan dan antarabangsa. Di antara sorotan khas adalah Persidangan dan Bengkel Industri, Pertandingan Reka Bentuk Landskap dan Projek “Live Green Box” dengan tujuan untuk mengurangkan karbon.

Pameran LAX'17 yang berlangsung selama tiga (3) hari ini dijangka dihadiri hampir 1,000 barisan pemimpin dari industri berkaitan, 1,000 perwakilan antarabangsa dari pelbagai negara seperti Belanda, Singapura, India, Filipina, China, Korea dan banyak lagi.

LAX'17 diiktiraf oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan disokong oleh sebilangan besar Jabatan-Jabatan Kerajaan, Organisasi, Institusi dan Persatuan tempatan.